

Islam boleh maju jika merancang

Ⓢ U.M. 17 FEB 1993

KUALA LUMPUR 16 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam boleh mencapai kejayaan yang sama seperti negara-negara maju jika mereka membuat perancangan secara berhati-hati.

Menurut beliau, bagi mencapai tahap negara maju, umat Islam perlu mempunyai wawasan agar mereka tidak terjerumus ke dalam satu bentuk kehidupan yang tidak teratur dan tidak mempunyai arah.

Perdana Menteri berkata, tahap pembangunan yang diperolehi oleh negara maju juga akan dapat disaingi jika umat Islam mengamalkan prinsip bekerja keras dalam hidup.

Sekiranya langkah dan wawasan yang sewajarnya tidak dilaksanakan, ia akan membawa kepada keruntuhan dan kemelesetan umat Islam, katanya dalam perutusan buku cenderamata Majlis

Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-34.

Majlis tilawah yang bertemakan *Wawasan Memajukan Ummah* itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PW-TC) di sini malam ini. Ujian tilawah itu akan berlangsung sehingga Jumaat ini.

Dr. Mahathir berkata, tema yang dipilih untuk ujian tilawah tahun ini adalah selaras dengan usaha Malaysia untuk mencapai keamanan, kemakmuran dan harmoni bagi rakyatnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Penganjur Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-34, Dato' Dr. Yusof Noor dalam ucapannya pada majlis perasmian majlis tilawah tersebut berkata, tugas utama umat Islam hari ini ialah untuk meningkatkan maruah Islam pada mata dunia.

Dr. Yusof berkata, banyak pihak tidak senang dengan kebangkitan Islam yang berlangsung sekarang dan berusaha memaparkan imej yang tidak baik mengenai penganut agama itu.

Katanya, bagi mengatasi keadaan ini, umat Islam di seluruh dunia mesti bersatu hati dan berganding secara kolektif dalam menghadapi cabaran masa depan.

"Umat Islam harus mencari keperluan dunia dan keperluan akhirat secara serentak. Jika keyakinan seperti ini ada dalam diri kita semua, hasrat untuk meletakkan umat Islam ke tahap kemajuan boleh dicapai," kata beliau.

Dr. Yusof menambah, Wawasan 2020 yang dicituskan oleh kerajaan ialah satu rancangan untuk membolehkan umat Islam di negara ini memperolehi matlamat kebahagiaan dunia dan akhirat.